

Pusat judi dilarang:

baru Mahathir

Oleh Othman Mamat

P

B.H 12 NOV 1993

LANGKAWI, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi pendirian kerajaan bahawa tiada sebarang pusat perjudian baru dibuka di mana-mana tempat di negara ini, pada masa depan.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri meminta pihak tertentu supaya jangan menyebarkan cerita karut pada orang lain kononnya kerajaan bercadang membuka sebuah kasino di pulau ini.

"Saya dah ulang yang ini berkali-kali sampai jemu nak dengar. Saya kata tak ada lagi kasino di Malaysia.

"Setakat yang ada sahaja (mencukupi), lebih tidak ada. Atas bot pun kita tak bagi," katanya kepada pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan kerja sehari di pulau ini petang ini.

Perdana Menteri menengulas spekulasi kononnya sebuah kasino akan dibuka di pulau ini dalam usaha menarik lebih banyak pelancong asing.

Menurut Dr Mahathir, Langkawi tidak memerlukan kasino kerana tanpa pusat perjudian itu, pulau ini mampu menarik kedatangan banyak pelancong asing dalam jangka pendek.

"Kita (Langkawi) dulu tak ada apa-apa pun (tetapi) boleh naik sampai satu juta lebih pelawat dalam jangka masa beberapa tahun sahaja," katanya.

Perdana Menteri juga

mengingatkan bahawa kedudukan kerajaan akan tergugat jika membenarkan kasino dibuka di negara ini pada masa akan datang.

"Kalau kerajaan (yang ada) ini nak jatuh, kita benarkan kasino," katanya.

Beliau juga berkata, jika Langkawi tidak diberi status pulau bebas cukai seperti dinikmatinya sekarang pun, pelancong masih berminat datang ke sini.

Menurutnya, adalah lebih baik tiada status bebas cukai kalau harga barangan di sini masih mahal.

"Tak payah bebas cukai (kalau) menjual pada harga mahal," katanya.

Turut mengiringi lawatan Perdana Menteri ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff, Pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Tun Daim Zainudin, Ahli Exco Kerajaan negeri dan ketua jabatan.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri mesyuarat lembaga pengarah Lada untuk memberi nasihat dan pandangan mengenai pembangunan yang bakal dilaksanakan di sini pada masa depan.

Beliau kemudian merasmikan kawasan berehat 'Tea House' di puncak Gunung Raya dan melawat Kompleks Sukan Langkawi, kerja pengubahsuaian Masjid Alhana di Kuah serta mendengar taklimat projek Rebak Marina, di Twin Peaks Resort, Kuah.